

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 7 MAC 2018

RUJUKAN : 10546

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk menjelaskan sebab kelewatan keterlaluan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan untuk memberi jawapan rasmi bertulis kepada permohonan Pakatan Harapan untuk mendaftarnya sebagai sebuah parti politik di bawah satu logo.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan pendaftaran Pakatan Harapan masih dalam pertimbangan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) memandangkan siasatan sedang dijalankan terhadap pelbagai aduan mengenai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Selain itu, JPPM juga sedang meneliti laporan yang telah dikemukakan PPBM bagi memastikan Perhimpunan Agung yang diadakan pada 30 Disember 2017 dilaksanakan selaras dengan perlembagaan parti tersebut.